

D691

U 8735 DEB  
MAHATHIR - GHAFAR RRR RRR

TELOK INTAN, 22 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI SECARA TERBUKA MENYOKONG PENCALONAN ENCIK GHAFAR BABA SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO PADA PEMILIHAN PARTI 24 APRIL.

KATANYA SUDAH TIBA MASANYA BAGI ENCIK GHAFAR DIPILIH SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN SESUAI DENGAN JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG DISANDANGNYA SEKARANG.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PASIR SALAK DI DEWAN BANDARAN DI SINI, PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO SETERUSNYA MENGHURAIKAN CIRI-CIRI KETAATAN YANG DITUNJUKKAN OLEH ENCIK GHAFAR SEMASA DI DALAM DAN LUAR KERAJAAN.

SETAKAT INI ENCIK GHAFAR BELUM MENGUMUMKAN SAMA ADA BELIAU AKAN BERTANDING BAGI JAWATAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA ENCIK GHAFAR TELAH MEMEGANG JAWATAN NAIB PRESIDEN SELAMA 25 TAHUN DAN TIDAK PERNAH BERHEMPAS-PULAS UNTUK TERPILIH PADA SETIAP PEMILIHAN PARTI. PEMILIHANNYA ADALAH ATAS NAMANYA SENDIRI.

WALAU PUN ENCIK GHAFAR BOLEH MEREPUT JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN BERDASARKAN PENGALAMANNYA DALAM PARTI, BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK PERNAH BERBUAT DEMIKIAN KERANA TIDAK MAHU MENIMBULKAN PERGOLAKAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

1430MST 22 03 87

B 8767 DEB  
MAHATHIR - GHAFAR 2 TELOK INTAN (PEMBETULAN - TAMBAH PARA SATU)  
RRRRRR

+KINI HANYA SELEPAS DILANTIK TIMBALAN PERDANA MENTERI, BARULAH BELIAU HENDAK BERTANDING MEREPUT TIMBALAN PRESIDEN PARTI.+

+SAYA MENYOKONG PENCALONANNYA. MASANYA SUDAH SAMPAI BAGINYA BERBUAT DEMIKIAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MENYOKONG PENCALONAN PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN BAGI JAWATAN ITU KERANA +BERCAKAP LAIN SEMASA DALAM KERAJAAN, TETAPI APABILA DI LUAR KERAJAAN BERCAKAP LAIN.+

+SAYA JUGA TIDAK DAPAT MENYOKONG PEMIMPIN PARTI YANG MENGECEM DASAR-DASAR KERAJAAN YANG TELAH SAMA-SAMA DIPUTUSKAN DALAM KERAJAAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA SEWAJARNYA MEREKA YANG TIDAK MENYOKONG DASAR KERAJAAN MELETAKKAN JAWATAN TETAPI MEREKA ENGGAN BERBUAT DEMIKIAN KERANA GANJARAN-GANJARAN YANG TERDAPAT SEBAGAI MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI. -- LAGI.

1620MST 22 03 87

U 8742 DEB  
MAHATHIR - GHAFAR 3 TELOK INTAN RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA PENDAPATNYA, TIDAK WAJAR BERLAKU PERTANDINGAN BAGI JAWATAN-JAWATAN YANG TIDAK BERLAKU KEKOSONGAN SUPAYA PERPECAHAN DAN PERGOLAKAN DALAM PARTI DAPAT DIELAKKAN.

KATANYA, BELIAU MENYOKONG DATUK MUSA (MENGEKALKAN JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN) SEMASA PEMILIHAN 1984 ATAS DASAR YANG SAMA DAN NAMPAKNYA TIMBALAN PRESIDEN KETIKA ITU SUKA CARA BERKEMPEN SEUMPAMA ITU.

+TETAPI TIMBALAN PRESIDEN SEKARANG MARAH APABILA SAYA BERCAKAP FASAL TRADISI SEBALIKNYA BELIAU BERCAKAP TENTANG DEMOKRASI TULEN, HENDAK MELAWAN DAN SEBAGAINYA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENARIK PERHATIAN MENGENAI UCAPAN SEORANG PERIMPIN (+SAYA TERLUPA NAMA PEMIMPIN ITU.+) YANG MAHUKAN ORANG MELAYU DAN ANGGOTA UMNO +HARUS KURANG AJAR SEDIKIT+ TIDAK LAMA DAHULU YANG, MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, MELAHIRKAN TOHMAHAN, FITNAH DAN PERGOLAKAN DALAM PARTI SEMASA KEMPEN PEMILIHAN SEKARANG.

SIKAP KURANG AJAR INI TERPANCAS DENGAN NYATA SEMASA SATU PERJUMPAAN UMNO DI GUA MUSANG BARU-BARU INI APABILA BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PARTI DIEJEK OLEH TUAN RUMAH, KATANYA. -- LAGI.

1504MST 22 03 87

D714

U B753 DEB  
MAHATHIR - GHAFAR 4 TELOK INTAN RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SIKAP YANG DITUNJUKKAN OLEH TUAN RUMAH TERHADAP TETAMUNYA BERTENTANGAN DENGAN TRADISI ORANG MELAYU DAN UMNO DAN JIKA PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG MENGAMALKAN SIKAP KURANG AJAR INI TERPILIH, TENTUNYA MASA DEPAN UMNO TIDAK SELAMAT.

KATANYA ADALAH PENTING BAGI SEMUA PEMIMPIN PARTI YANG TERLIBAT DALAM PEMILIHAN BERSIKAP BERSOPAN SANTUN, TERTIB DAN MENGIKUT LUNAS-LUNAS DEMOKRASI ALA-MALAYSIA SUPAYA TIDAK BERLAKU SEBARANG PEPECAHAN.

BELIAU MELAHIRKAN KEKESALANNYA WUJUD DUA KEM DALAM UMNO YANG TENTUNYA AKAN MENIMBULKAN PERAYAAN WAS-WAS DAN TIDAK PERCAYA MEMPERCAYAI SESAMA ANGGOTA PARTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU PADA MULANYA TIDAK MAHU BERKEMPEN TETAPI TERPAKSA BERBUAT DEMIKIAN APABILA NAMANYA DIBABITKAN DAN BERMACAM-MACAM FITNAH DAN TOHMAHAN DILEMPARKAN TERHADAPNYA DAN BEBERAPA PEMIMPIN PARTI YANG LAIN.

MENGENAI DAKWAAN BEBERAPA PEMIMPIN PARTI YANG KONONNYA +SAYANG+ KEPADANYA TETAPI TIDAK SUKA PADA ORANG DI SEKELILINGNYA, PERDANA MENTERI BERPENDAPAT +SAYANG+ YANG DISEBUT-SEBUT ITU +MEMBAWA RACUN.+ -- LAGI.

1527MST 22 03 87

D715

U B754 DEB  
MAHATHIR - GHAFAR 5 TELOK INTAN RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEHANGATAN PEMILIHAN DALAM PARTI SEKARANG BUKAN KERANA MEREbut JAWATAN PRESIDEN DAN TIMBALAN PRESIDEN PARTI TETAPI SEBENARNYA UNTUK MEREbut JAWATAN PERDANA MENTERI DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI.

KEDUDUKAN DALAM PARTI DIGUNAKAN SEMATA-MATA UNTUK MEREbut JAWATAN DALAM KERAJAAN, KATANYA DAN MENAMBAH, JIKA KEADAAN INI DIBENARKAN BERTERUSAN, APA YANG BERLAKU DALAM MCA AKAN TURUT MENIMPA UMNO.

+SAYA TIDAK MAHU MENJADI PRESIDEN UMNO SEUMUR HIDUP. PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO PERLU BERSABAR. TETAPI APA YANG BERLAKU PEMIMPIN-PEMIMPIN ITU KURANG BERSABAR, MAKA TIMBULLAH KEADAAN YANG TIDAK DIINGINI SEKARANG.

+SAYA TIDAK DAPAT MENASIHATKAN ORANG LAIN DARIPADA JANGAN BERTANDING. TETAPI PARA PERWAKILAN DAPAT MENENTUKAN SIAPA YANG HARUS DIPILIH. PERWAKILAN HENDAKLAH BERHATI-HATI SEMASA MEMBUAT PEMILIHAN SUPAYA ORANG-ORANG YANG TAMAK KUASA TIDAK TERPILIH.+

YANG TURUT HADIR TERMASUK MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB, YANG JUGA KETUA BAHAGIAN PASIR SALAK, MENTERI PERUSAHAAN AWAM DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB DAN TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DATUK TAJOL ROSLI GHAZALI. -- BERNAMA.  
1530MST 22 03 87